



Sumber: MELAKA HARI INI

www.mhi.com.my

MHI

MELAKA HARI INI

Diterbitkan Sejak 1982

AKHBAR KOMUNITI ANDA

SOLAT MELAKA	
21 REJAB 1435	
SUBUH	5.39
SYURUK	7.01
ZOHOR	1.10
ASAR	4.34
MAGHRIB	7.16
ISYAK	8.30

Ketua Hakim Syarie Melaka kunjung hormat TYT 2



KHAMIS 29 MEI 2014 / 29 REJAB 1435H PP11922/03/2013(031989)

RM1.50

24

Mencari sinar bahagia

Juara nakat P. Ramlee

Melaka Gateway tumpuan dunia

MELAKAGATEWAY

KETUA Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron yakin projek ikonik negara Melaka Gateway dengan nilai pelaburan kira-kira RM40 billion mampu menjadi tumpuan dunia.

2

Khamis 29 Mei 2014

MELAKA HARI INI MAJU FASA II



Ketua Hakim Syarie kunjung hormat Mohd. Khalil

AYER KEROH 28 Mei - Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob menerima kunjungan hormat Ketua Hakim Syarie Negeri, Yang Amat Arif (YAA) Mohd. Radzi Abdul Latif di pejabatnya di Seri Negeri di sini, pagi tadi.

Kunjungan hormat itu bagi memperkenalkan diri berikutan Mohd. Radzi telah menjawat jawatan itu mulai 17 Mac lalu

menggantikan penyandangannya, Datuk Mohammad Ibrahim yang bertukar ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Mohd. Radzi, 48, sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sejak 1 Mac 2010 hingga 16 Mac 2014.

Anak kelahiran Kampung Pulau Sebang Melaka yang berkelulusan Ijazah Sarjana

Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ini memulakan kerjayanya sebagai Kadzli Litar/Hakim Syarie Negeri Sembilan pada 9 Januari 1990 sebelum berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Sembilan pada 22 April 1994.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah

Tinggi Syariah Negeri Sembilan mulai 2 Julai 2007 sehingga dinaikkan pangkat sebagai Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan dari 14 Disember 2006 hingga 7 Mac 2006.

Pada 8 Mac 2006, Mohd. Radzi telah berkhidmat di Melaka sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah selama lebih dua tahun sebelum berpindah menabur khidmat sebagai Hakim Mahka-

mah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Disember 2008.

Mengiringi Mohd. Radzi pada kunjungan hormat itu, Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Wira Rashid Redza Md. Saleh; Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri, Abu Suffian Abu Yazid dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Alor Gajah, Amiruddin Latip.



DARI kiri Amiruddin, Rashid Redza, Mohd. Khalil, Mohd. Radzi dan Amiruddin bergambar bersama.



MOHD. Radzi (kanan) beramah-mesra bersama Mohd Khalil di pejabatnya di Seri Negeri, Ayer Keroh, semalam.